

## MEMANFAATKAN CUTI PERSEKOLAHAN ANAK-ANAK

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ  
اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Anak-anak adalah anugerah Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang tidak ternilai. Sebuah lirik nasyid mengungkapkan “anak-anak adalah cahaya mata, penghibur hati penyejuk mata, nikmat Allah yang paling bahagia. Begitulah indah lirik ini menggambarkan tanggungjawab besar yang terletak di atas bahu setiap ibubapa dalam mendidik anak-anak. Kisah mendidik anak-anak diabadikan oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam al-Quran. Luqman al-Hakim seorang bapa yang soleh disebut namanya kerana kesungguhan beliau mendidik anak-anaknya sebagaimana Firman-Nya dalam surah Luqman ayat 13:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ، وَهُوَ يَعُظُهُ، يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: *Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, dikala sedang memberinya nasihat, (katanya) : Hai anakku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah, kerana sesungguhnya syirik itu adalah suatu penganiayaan yang besar.*

Oleh itu setiap ibu bapa hendaklah bersungguh-sungguh dalam mendidik anak-anak agar mereka nanti menjadi hamba Allah yang soleh dan bermanfaat kepada agama dan Negara.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Rasulullah sallallahu alaihi wasallam sangat mengambil berat dalam pendidikan anak-anak walaupun mereka masih kecil. Baginda sentiasa mengajar mereka dengan akhlak mulia dan membawa mereka untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Baginda sallallahu alaihi wasallam mengajar anak tirinya yang masih kecil iaitu Umar bin Abu Salamah agar makan dengan sopan dalam hadis yang riwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

يَا غُلَامُ سَمِّ اللَّهَ وَكُلْ بِيَمِينِكَ وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ

Yang bermaksud: *Wahai anakku, Bacalah Bismillah (apabila kamu hendak makan), ambillah dengan tangan kanan dan makan makanan yang hampir dengan kamu.*

Kesungguhan Nabi sallallahu alaihi wasallam juga boleh dilihat melalui pesanannya kepada Ibnu Abbas yang ketika itu masih kecil dengan sabda Baginda sallallahu alaihi wasallam dalam hadis yang diriwayat oleh Imam al-Tirmizi:

يَا غُلَامُ إِنِّي أَعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ إِحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ

Yang bermaksud: *Wahai anakku, aku ingin mengajar kamu beberapa perkara iaitu jagalah hubungan dengan Allah pasti Allah Subhanahu wa-Ta'ala akan menjaga kamu.*

Hadis ini menjelaskan bahawa anak-anak hendaklah dibesarkan dengan akidah yang mantap. Didiklah anak-anak supaya membesar dengan tidak syirik kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala seperti tidak terpengaruh dengan anasir luar contohnya fahaman liberal yang baru-baru ini meragui amalan-amalan agama seperti mempertikaikan ibadah korban yang didakwa menzalimi binatang dan merosakkan alam sekitar.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Cuti persekolahan telah pun tiba. Ibu-bapa yang bijak perlu membuat perancangan agar masa cuti sekolah memberi manfaat kepada pendidikan anak-anak. Jangan biarkan kehidupan mereka berlalu kosong tanpa sebarang aktiviti yang berfaedah. Ajaklah anak-anak membantu kerja-kerja rumah seperti anak perempuan diajar memasak dan mengemas rumah kerana terdapat di kalangan mereka tidak pandai memasak dan mengurus rumah setelah berumahtangga. Manakala anak-anak lelaki ajaklah mereka membersih halaman rumah, membasuh kereta dan sebagainya bagi memupuk rasa tanggungjawab terhadap diri dan keluarga serta meningkatkan kemahiran membaca al-Quran, fardhu ain dan kemahiran ilmu-ilmu lain.

Ingatkan mereka sepanjang masa dengan ibadat solat dan bawalah mereka untuk menunaikan solat di masjid. Alangkah bertuahnya jika anak-anak kita membesar sejak kecil lagi dalam suasana dan persekitaran beribadat kepada Allah Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Semoga mereka dan kita semua termasuk dalam salah satu golongan yang mendapat naungan di padang mahsyar nanti sebagaimana sabda Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

وَشَابُّ نَشَأً فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ

Yang bermaksud: *(Iaitu) remaja yang membesar dalam beribadat kepada Tuhannya.*

Pada masa yang sama, musim cuti yang panjang ini boleh dimanfaatkan oleh ibu bapa untuk merapatkan hubungan dengan anak-anak dan menambahkan lagi ikatan kasih sayang. Bawalah anak-anak berjalan-jalan atau bercuti agar kemesraan antara ibu-bapa dengan anak-anak semakin terjalin. Setiap ibu bapa hendaklah mengutamakan untuk menzahirkan kasih sayang terhadap mereka. Ketika seorang sahabat kehairanan apabila melihat Rasulullah sallallahu alaihi wasallam mencium cucunya kerana beliau tidak pernah mencium anak-anaknya, lalu Baginda bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

إِنَّهُ مَنْ لَا يُرْحَمُ لَا يُرْحَمُ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya orang yang tidak mengasihi orang lain dia tidak akan dikasihi.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Marilah kita bersama-sama berusaha bersungguh untuk mendidik anak-anak dengan ajaran Islam melalui curahan ilmu pengetahuan dan kasih sayang. Jangan biarkan mereka berkeliaran di waktu malam sehingga pagi yang boleh merosakkan kehidupan mereka seperti kumpulan anak-anak yang membakar Maahad tahfiz baru-baru ini. Kita semua maklum program-program buruk sentiasa terhidang di hadapan mata melalui pelbagai media massa seperti televisyen, internet dan lain-lain lagi. Jika kita tidak mengawal dan menegur mereka maka segala perbuatan buruk tersebut akan dicontohi oleh mereka.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ ﴿٤٠﴾

Yang bermaksud: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan solat dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.